

# PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN  
PTKS. 1C/13/2021 (31)

Dalam perkara Seksyen 257 dan 263 Kanun Tanah Negara 1965.

ANTARA

**UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (NO. SYARIKAT: 271809-K)**  
DAN

**PEMEGANG GADAIAN**

**KWANG SHEN STEEL INDUSTRIES SDN BHD (NO. SYARIKAT: 454386-V)** (dalam likuidasi)

**PENGGADAI**

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir daerah dan Tanah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan, yang diperbuat dalam perkara tersebut di atas pada 14/10/2022 dengan ini adalah diisytiharkan bahawa Pentadbir Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut dibawah:-

## AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS 24HB NOVEMBER 2022, JAM 10.00 PAGI

PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA SELANGOR

KOMPLEKS KERAJAAN DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN SEMARAK, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan (i) membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah (ii) memeriksa hartanah tersebut (iii) meminta nasihat guaman mengenai syarat-syarat jualan serta (iv) membuat pertanyaan dengan pihak Pemaju Perumahan sebelum jualan lelong. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab dan tidak dapat membuat sebarang representasi berkenaan dengan sekatan kepentingan dan bebanan-bebanan lain berkenaan hartanah di dalam ini

### **BUTIR-BUTIR HAKMILIK**

NO. HAKMILIK : PM 663  
NO. LOT : 216  
MUKIM/DAERAH/NEGERI : Ijuk/Kuala Selangor/Selangor  
PEGANGAN : Pajak 99 tahun tamat pada 25 Januari 2086  
KELUASAN TANAH : 2.033 hektar (5.0235 ekar)  
CUKAI TAHUNAN : RM 43.00  
KATEGORI KEGUNAAN TANAH : Pertanian  
SYARAT NYATA : Tanaman kelapa sawit  
SEKATAN KEPENTINGAN : Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri  
PEMILIK PENDAFTAR : **KWANG SHEN STEEL INDUSTRIES SDN BHD (No. Syarikat: 454386-V)** - 1/1 bahagian (dalam likuidasi)  
BEBANAN PEMEGANG GADAIAN : Digadai kepada **UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD** melalui No. Perserahan 868/2017, didaftarkan pada 8 Mei 2017.

### **LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH**

Hartanah tersebut adalah sebidang tanah pertanian dengan potensi pembangunan semula untuk pembangunan perindustrian yang dikenal pasti **LOT 216, LOKALITI BATU 25 JALAN IJUK/KEPONG, MUKIM IJUK, DAERAH KUALA SELANGOR, NEGERI SELANGOR.**

### **HARGA RIZAB**

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada harga rizab sebanyak **RM 6,600,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: ENAM JUTA DAN ENAM RATUS RIBU SAHAJA)** dan kepada syarat-syarat jualan yang dicetak di Perisytiharan Jualan ini. Bagi Penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki menandatangani **10%** daripada harga jualan rizab sebanyak **RM 660,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: ENAM RATUS DAN ENAM PULUH RIBU SAHAJA)** dalam bentuk **Bank Draf** diatas nama **UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD** sebelum 9.30 pagi pada hari lelongan awam dan baki harga belian **90%** hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh **Seratus Dua Puluh (120) hari** dari tarikh jualan kepada Peguamcara **TETUAN RAJA, DARRYL & LOH** atas nama **UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD**. Penawar yang berjaya mempunyai kewajipan untuk menanggung cukai-cukai kerajaan yang kena dibayar (jika ada)

Untuk butir-butir lanjut, sila berhubung dengan **PENTADBIR TANAH/DAERAH KUALA SELANGOR** atau **TETUAN RAJA, DARRYL & LOH** yang beralamat di Aras 26, Menara Hong Leong, No. 6 Jalan Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel: 03- 26329999 Fax: 03- 26329850 (**RUJ: Mib.1255534.ywy.lk**) atau kepada Pelelong yang tersebut dibawah ini.

### **URBAN PROPERTIES AUCTIONEERS**

Suite 2-5-5, Paras 5, No. 2 Wisma Menjalara  
Jalan 7A/62A, Bandar Manjalara, 52200 Kuala Lumpur  
Tel: 03- 62758708 Fax: 03- 62759708

**RUJ: UPA/2411/0670/2022/UOB/RDL/LOKS**

**CHEW KOK ENG**

Pelelong Berlesen